

**TEKS UCAPAN NAIB Y. BHG PROF DATUK DR AHMAD YUSOFF
BIN HASSAN, NAIB CANSOLOR
UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA
CANSOLOR SEMPENA MAJLIS PENUTUP KEJOHANAN
OLAHRAGA KALI KE-3 UTeM 2010**

TERIMA KASIH SAUDARA/I PENGERUSI MAJLIS

YANG BERBAHAGIA DATO' PROF. DR. MOHD NOR BIN HUSAIN
TIMBALAN NAIB CANSOLOR (AKADEMIK & ANTARABANGSA)

YANG BERBAHAGIA PROF. DR. MOHAMAD KADIM BIN SUAIDI
TIMBALAN NAIB CANSOLOR (PENYELIDIKAN DAN INOVASI)

YANG BERBAHAGIA ENGR. PROF. DR. MARIZAN BIN SULAIMAN
DEKAN HAL EHWAL PELAJAR DAN ALUMNI

Y. BERUSAHA HAJI ISMAIL BIN ABDOL JALIL,
PENGARAH, PUSAT SUKAN UTEM

PEGAWAI-PEGAWAI KANAN UNIVERSITI,

KETUA PASUKAN, PARA ATLET DAN AHLI JAWATANKUASA
PELAKSANA KEJOHANAN OLAHRAGA KALI KE-3, 2010.

ASSALAMUALAIKUM DAN SALAM SEJAHTERA

PENGENALAN

BERSYUKUR KITA KE HADRAT ALLAH SWT KERANA DENGAN LIMPAH KURNIA SERTA IZINNYA, MAKA KITA DAPAT BERSAMA SEMPENA MAJLIS PENUTUP KEJOHANAN OLAHRAGA UTeM 2010. TERLEBIH DAHULU SAYA MENGUCAPKAN BERBANYAK-BANYAK TERIMA KASIH KEPADA PENGARAH PUSAT SUKAN, BERSERTA AHLI JAWATANKUASA PENGANJUR ATAS KESUDIAN MENGUNDANG SAYA UNTUK MENYEMPURNAKAN MAJLIS PENUTUPAN INI.

SAYA PERCAYA BAHAWA PENGANJURAN SUKAN OLAHRAGA SEBEGINI TELAH BANYAK MENYUMBANG KEPADA USAHA MEMUPUK SEMANGAT KERJA BERPASUKAN, TOLERANSI DAN MUHIBBAH DI KALANGAN STAFF DAN PELAJAR UTeM. SAYA BERHARAP AGAR SEMANGAT KESUKANAN YANG DITONJOLKAN OLEH PARA ATLET SEPANJANG BERLANGSUNGNYA TEMASYA SUKAN INI DAPAT DITERAPKAN DALAM BUDAYA HARIAN SAMA ADA SEBAGAI PELAJAR, MAHUPUN PEKERJA UNTUK MENJADI INDIVIDU YANG CEMERLANG.

KEJOHANAN OLAHRAGA KALI KE-3 2010.

TUAN-TUAN DAN PUAN-PUAN SEKALIAN,

UNTUK MAKLUMAN, PROGRAM TEMASYA OLAHRAGA KALI KE-3 INI DIADAKAN MELIBATKAN ATLET DI KALANGAN PELAJAR DAN STAF UNIVERSITI. SEBANYAK 13 ACARA TELAH DIPERTANDINGKAN MELIBATKAN SEMUA PTj DAN FAKULTI .

SELAIN IA MERUPAKAN ACARA TAHUNAN, PENGANJURAN TEMASYA INI JUGA BERTUJUAN UNTUK MENCARI BAKAT YANG BOLEH DIKETENGAHKAN UNTUK MEWAKILI UTeM DI PERINGKAT SUKAN ANTARA STAF KELAK DI USM. KEJOHANAN INI JUGA DILIHAT SEBAGAI KAEDAH UNTUK MEWUJUDKAN KEAKRABAN DI KALANGAN PELAJAR DAN STAF MELALUI SUKAN DAN MENERAPKAN AMALAN GAYA HIDUP SIHAT.

KOMITMEN DAN KESUNGGUHAN INI SAYA LIHAT SEBAGAI SUATU YANG PERLU DIBANGGAKAN OLEH PTJ TERLIBAT, DI SAMPING SEBAGAI INISIATIF YANG DAPAT MEMBUDAYAKAN SUKAN DI PERINGKAT UNIVERSITI.

ISTIMEWANYA TEMASYA SUKAN KALI INI.

HADIRIN SEKALIAN,

TEMASYA OLAHRAGA TAHUNAN KALI INI TELAH MELIBATKAN PENYERTAAN DARIPADA SETIAP PTj (STAF) DAN FAKULTI (PELAJAR). PENCAPAIAN BAGI SUKAN OLAHRAGA UTeM SECARA KESELURUHANNYA AGAK MENONJOL DI PERTANDINGAN

DIPERINGKAT ANTARA IPTS. SEBAGAI CONTOH, BAGI PASUKAN STAF, PASUKAN UTeM BERADA DITANGGA KE 7 DI KALANGAN 21 IPTA YANG BERTANDING DENGAN PUNGUTAN PINGAT, 2 EMAS, 3 PERAK DAN 3 GANGSA. LEBIH MEMBANGGAKAN, BAGI ACARA LOMPAT JAUH (VETERAN), EN. SHAHRAN MOKSEN TELAH MEMECAHKAN REKOD BARU KEJOHANAN. BEGITU JUGA DENGAN KUATERD 4X100 METER (VATERAN) YANG TELAH BERJAYA MENGGONDOL PINGAT EMAS.

SEMENTARA ITU, BAGI KATEGORI PELAJAR PULA, SAUDARA SANGGARA RAO TELAH BERJAYA MERAIH PINGAT EMAS DI KEJOHANAN OLAHRAGA MASUM DAN GANGSA DI SUKAN INSTITUT PENGAJIAN MALAYSIA (SIPMA) DENGAN MEMBAWA NAMA MASUM.

JUSTERU ITU, SEWAJARNYA SAYA MERAKAMKAN UCAPAN SYABAS DAN TAHNIAH ATAS USAHA GIGIH PARA ATLET.

KEMPEN GAYA HIDUP SIHAT DAN KEMPEN TANPA ROKOK

HADIRIN DAN HADIRAT YANG DIHORMATI

MENYINGKAP PERUTUSAN TAHUN 2010 YANG TELAH KITA SAMA-SAMA LALUI. ANTARA MATLAMAT UTAMA YANG TELAH SAYA NYATAKAN ADALAH UNTUK MEREALISASIKAN KEMPEN **GAYA HIDUP SIHAT** DAN **HIDUP TANPA ROKOK** DI KALANGAN

WARGA UTeM. MALAH, SAYA SEDIA MAKLUM BAHAWA, HASRAT INI TELAH DIAMBIL TINDAKAN SEWAJARNYA OLEH PUSAT SUKAN DAN KLINIK KESIHATAN UTeM. SEMOGA PELBAGAI AKTIVITI DAPAT DILAKSANAKAN DALAM MASA TERDEKAT. HASRAT SAYA, DENGAN ADANYA KEMPEN SEBEGINI, PERSEKITARAN YANG LEBIH SELESA DAN SIHAT DAPAT DIWUJUDKAN UNTUK KEBAIKAN WARGA UNIVERSITI.

KEWAJARAN INI PERLU UNTUK MEMBENTUK SUMBER MANUSIA YANG SIHAT DAN CERGAS AGAR MENJADI JENTERA YANG AKTIF DALAM ORGANISASI. KESIHATAN DAN KECERGASAN YANG TERJAGA DAN TERUS DISEMAI MEMBAWA KEPADA HIDUP BAHAGIA. WALAUPUN KITA BERILMU TINGGI, BERTARTA, BERPANGKAT TINGGI ATAU MEMILIKI BERJUTA-JUTA ASET, KECERGASAN DAN KESIHATAN TUBUH BADAN TIDAK DAPAT DITUKAR GANTI DENGAN SEGALA-GALANYA. JUSTERU, BADAN YANG SIHAT DAN CERGAS PERLU DIHARGAI SUPAYA IA MENYERLAHKAN IMEJ DAN KEPERIBADIAN YANG YANG “AYU” DAN “TAMPAN”.

SUKAN ANTARA JABATAN

TUAN-TUAN DAN PARA ATLET YANG DIHORMATI,

TURUT BERLANGSUNG PADA MINGGU INI ADALAH SUKAN ANTARA JABATAN YANG MELIBATKAN 12 ACARA

DIPERTANDINGKAN, TERMASUK BADMINTON, BOLA JARING, BOWLING PADANG, BOLA SEPAK BOLA TAMPAR, DART, FUTSAL, KAROM, PING PONG, DAN BEBERAPA ACARA PENTING YANG LAIN.

OLEH ITU, BERSAMALAH KITA BERGANDING BAHU MENYOKONG DAN BERUSAHA GIGIH UNTUK MEMENANGI SETIAP ACARA YANG DIPERTANDINGKAN. ADAT BERTANDING DALAM PERMAINAN PASTI ADA YANG MENANG DAN ADA YANG KALAH. YANG PENTING DALAM PERLAWANAN SEPERTI INI IALAH SEMANGAT BERTANDING SECARA SIHAT. ERATKAN IKATAN YANG TERJALIN INI TIDAK SAHAJA SEMASA PERLAWANAN TETAPI KEMESRAAN TERSEBUT PERLU DITERUSKAN MASA – MASA AKAN DATANG.

AKHIR KATA SAYA SEKALI LAGI MENGAMBIL KESEMPATAN INI MENGUCAPKAN SYABAS KEPADA PENGANJUR ATAS USAHA MENJAYAKAN AKTIVITI SUKAN INI. KEPADA PARA PEMENANG, TAHNIAH SAYA UCAPKAN DAN KEPADA YANG BELUM BERJAYA, JANGAN BERPUTUS ASA KERANA SAYA PERCAYA KEMENANGAN DAN KEJAYAAN YANG LEBIH BERMAKNA IALAH PEMBENTUKAN SATU PASUKAN KERJA YANG PROAKTIF, DINAMIK DAN BERDAYA TAHAN BAGI MEMACU

KECEMERLANGAN KEPADA KESELURUHAN ORGANISASI UTEM
TERCINTA INI.

SEKIAN WABILLAHITAUFIK WALHIDAYAH WASSALAMUALAIKUM
WBTH. TERIMA KASIH.